

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Ilham landskap di Tasik Perdana
19. Jul 2008
Utusan Malaysia
Dalam Negeri
238082
833287

Language **MALAY**
Page No **26**
Article Size **94** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue



REPLIKA Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, Perak dan labu sayung turut menjadi sebahagian daripada dekorasi salah satu peserta dalam Festival Antarabangsa Landskap dan Taman 2008 yang bermula di Taman Tasik Perdana hari ini.

- Gambar LOKMAN NORHAKIM

Ilham landskap di Tasik Perdana

Oleh MUHAMMAD
DAYNE AZMIN

KUALA LUMPUR 18

Julai - Landskap yang menarik bukan sahaja dapat menjadikan sesebuah kawasan itu lebih berseri tetapi juga boleh memberi ketenangan dan ilham kepada yang melihatnya.

Seni bina landskap di Malaysia mungkin masih merupakan sesuatu yang baru, namun peranannya dalam perancangan bandar terutamanya di penempatan-penempatan baru semakin penting.

Malah, hiasan landskap kini menjadi satu *trend* di kalangan pemilik-pemilik rumah sama ada di bandar mahupun luar bandar bagi menjadikan premis mereka lebih cantik, menenangkan dan hijau.

Jika anda sedang mencari ilham seni bina landskap untuk rumah baru anda atau ingin mengubah suai landskap sedia ada, Festival Antarabangsa Landskap dan Taman 2008 (Laman 2008) adalah lokasi terbaik untuk dikunjungi.

Berlangsung mulai esok sehingga Khamis depan di Taman Tasik Perdana di sini, pelbagai idea baru dan segar dipamerkan kepada orang ramai yang mengunjungi festival itu.

Festival landskap tersebut merupakan kali ketiga dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan mendapat sambutan hangat sejak pertama kali diadakan pada tahun 2004.

Terbahagi kepada dua pameran, dalaman dan luaran, sebanyak 59 organisasi terlibat dalam pameran dalaman dan tujuh daripadanya datang dari luar negara manakala 91 organisasi pula bagi pameran luaran.

Untuk pameran dalaman, ia dibahagikan kepada lapan jenis pameran iaitu pertunjukan tema, empat musim, pertunjukan 50/50, pintu utama, arca, susunan floral, susunan rekaan dan taman istimewa.

Bagi pameran luaran, sebanyak empat pameran diadakan iaitu Taman Dunia, Expo Taman, Seni Alam Semulajadi dan Festival Walk.

Dalam pameran dalaman yang akan diadakan di 'Floral Enclave', pengunjung boleh mendapatkan idea menghias taman mini masing-masing mengikut tema terpilih di pameran pertunjukan tema.

Di samping itu, idea landskap daripada luar negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Filipina, Kanada, Taiwan dan Perwakilan Bunga Sedunia Asia Pasifik turut dipersembahkan kepada pengunjung.

Konsep landskap empat musim iaitu bunga, sejuk, luruh dan panas pasti akan menggamit perha-

tian kepada orang ramai yang masih asing kepada suasana cuaca di benua Eropah atau Amerika.

Untuk pertunjukan 50/50 pula, ia akan menggabungkan kombinasi hiasan bunga dan buah serta sayuran dalam mempersembahkan keunikan alam semulajadi.

Keindahan bunga yang dicorakkan sebagai imej di pameran arca pula pasti menarik perhatian pengunjung.

Kepada pengunjung yang masih mencari-cari susunan rekaan yang menarik, pertunjukan *trend* terkini mengenai susunan bunga-bunga oleh pereka-pereka landskap terkenal juga akan diadakan.

Sementara itu, untuk pameran luaran, dua pertandingan bagi Dunia Taman dan Expo Taman akan diadakan dalam mencari seni bina landskap paling memikat.

Bagi ruangan Dunia Taman yang melibatkan penyertaan paling besar iaitu sebanyak 49 orga-

Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing sementara kolej yang mengambil bahagian ialah Kolej Seni Lukis dan Seni Reka Petaling Jaya.

Program 'Festival Walk' pula akan memberi peluang kepada orang ramai untuk membeli barang-barang jualan seperti buku, pasu dan bunga.

Laman 2008 dibuka dari pukul 9.30 pagi hingga 9.30 malam. Bayaran RM3 dikenakan kepada pengunjung dewasa manakala kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun dan pelajar berpakaian sekolah dikenakan RMI.

Warga orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak di bawah enam tahun tidak dikenakan sebarang bayaran.

Orang ramai terutamanya peminat landskap tidak seharusnya melepaskan peluang bagi mendapatkan ilmu terbaru mengenai seni reka landskap di Laman 2008.

nisasi, pameran landskap menyerlahkan kreativiti peserta dalam mengatur keindahan mengikut ritma alam semulajadi.

Salah satu daripadanya memabitkan taman 'Edible Garden' yang mendapat sentuhan daripada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Terdapat juga beberapa pameran landskap di Dunia Taman yang pasti akan menarik perhatian pengunjung seperti yang direka bentuk oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Expo Taman pula akan mempersembahkan perabot luaran, produk taman serta aksesori dan pokok untuk jualan.

Pelajar institusi pengajian tinggi dari empat buah universiti dan sebuah kolej turut tidak ketinggalan dan akan mempersembahkan kehebatan landskap mereka menerusi slot Seni Alam.

Empat buah universiti itu ialah



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan (kanan) dan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah meninjau persediaan Festival Antarabangsa Landskap dan Taman 2008 di Taman Tasik Perdana, semalam.



SALAH satu daripada seni landskap yang boleh dijadikan ilham oleh para pengunjung untuk menghias halaman rumah.